

**FASAL KEDUA
ADUAN DAN
PENYIASATAN**

FASAL KEDUA : ADUAN DAN PENYIASATAN PRA-PERBICARAAN

2.1 Aduan dan Maklumat mengikut Kanun Prosedur Jenayah

Orang ramai dikehendaki memberi maklumat kepada Balai Polis yang hampir sekali atau kepada pegawai polis , atau kepada Penghulu yang hampir sekali apabila mengetahui berkenaan berlakunya atau niat mana-mana juga orang lain yang hendak melakukan sebarang kesalahan yang boleh dihukum di bawah mana-mana seksyen Kanun Kesiksaan seperti berikut :

- i. seksyen 121 : Berperang atau mencuba berperang melawan Yang di-Pertuan Agong atau Raja atau Yang di-Pertua Negeri.
- ii. seksyen 121A: Kesalahan-kesalahan terhadap tubuh Yang di-Pertuan Agong.
- iii. seksyen 121B: Kesalahan-kesalahan terhadap kuasa Yang di-Pertuan Agong.
- iv. seksyen 121C: Menyubahati kesalahan-kesalahan di bawah seksyen 121A atau 121B.
- v. seksyen 122 : Mengumpul senjata, dsb., dengan niat hendak berperang melawan Yang di-Pertuan Agong atau Raja atau Yang di-Pertua Negeri.
- vi. seksyen 123 : Menyembunyikan dengan niat hendak menyenangkan rancangan bagi berperang.
- vii. seksyen 124 : Menyerang ahli Parlimen, dll., dengan niat hendak memaksa atau menghalang apa-apa kuasa yang sah di sisi undang-undang dijalankan.

- viii. seksyen 125: Berperang melawan mana-mana negara yang berdamaian dengan Yang di-Pertuan Agong.
- ix. seksyen 126: Melakukan penjarahan dalam wilayah mana-mana negara yang berdamaian dengan Yang di-Pertuan Agong.
- x. seksyen 130: Membantu orang tawanan itu lari, melepaskan atau melindunginya.
- xi. seksyen 143: Siksaan menjadi anggota perhimpunan haram.
- xii. seksyen 144: Memiliki senjata-senjata maut di-perhimpunan menyalahi undang-undang
- xiii. seksyen 145: Masuk atau masih berada dalam perhimpunan yang menyalahi undang-undang dengan mengetahui banawa perhimpunan itu telah diperintah bersurai.
- xiv. seksyen 147: Siksaan kerana merusuh.
- xv. seksyen 148: Memiliki senjata maut dalam rusuhan
- xvi. seksyen 302: Siksaan bagi kesalahan membunuh orang.
- xvii. seksyen 304: Siksaan bagi kesalahan mematikan orang dengan salah yang tidak terjumlah kepada kesalahan membunuh orang.
- xviii. seksyen 307: Mencuba membunuh orang.
- xix. seksyen 308: Mencuba melakukan kesalahan mematikan orang dengan salah.
- xx. seksyen 363: Siksaan bagi pencolekan.
- xxi. seksyen 364: Mencolek atau milarikan orang dengan tujuan hendak membunuh.

- xxii. seksyen 365: Mencolek atau melarikan orang dengan tujuan hendak mengurungnya dengan suil dan dengan saih.
- xxiii. seksyen 366: Mencolek atau melarikan perempuan bagi memaksa ia berkahwin, dsb..
- xxiv. seksyen 367: Mencolek atau melarikan orang dengan tujuan hendak mengenakannya cedera parah, atau menjadikannya abdi, dsb.
- xxv. seksyen 368: Menyembunyikan atau mengurung dengan salah seseorang yang dicolek.
- xxvi. seksyen 369: Mencolek atau melarikan kanak-kanak yang berumur kurang daripada sepuluh tahun dengan niat hendak mencuri harta yang boleh alih dari tubuh kanak-kanak itu.
- xxvii. seksyen 382: Mencuri setelah dibuat persiapan bagi menyebabkan kematian atau cedera dengan tujuan hendak melakukan kesalahan itu.
- xxviii. seksyen 384: Siksaan bagi pemerasan.
- xxix. seksyen 385: Mendatangkan kepada seseorang ketakutan bencana dengan tujuan hendak melakukan pemerasan.
- xxx. seksyen 386: Pemerasan dengan mendatangkan kepada seseorang ketakutan pembunuhan atau cedera parah.
- xxxi. seksyen 387: Mendatangkan kepada seseorang ketakutan pembunuhan atau cedera parah dengan tujuan hendak melakukan pemerasan.
- xxxii. seksyen 388: Pemerasan dengan jalan menggugut hendak menuduh yang seseorang telah melakukan kesalahan yang boleh disiksa dengan penjara seumur hidup.
- xxxiii. seksyen 389: Mendatangkan kepada seseorang ketakutan di tubuh kesalahan, dengan tujuan hendak melakukan pemerasan.
- xxxiv. seksyen 392: Siksaan bagi rompak.

- xxxv. seksyen 393: Mencuba melakukan rompak.
- xxxvi. seksyen 394: Dengan sengaja menyebabkan cedera pada melakukan rompak.
- xxxvii. seksyen 395: Siksaan bagi rompak-berkumpul.
- xxxviii. seksyen 396: Rompak-berkumpul serta membunuh orang.
- xxxix. seksyen 397: Rompak dengan bersenjata atau rompak serta mencuba menyebabkan kematian atau cedera parah.
- xxxx. seksyen 399: Memuat persiapan bagi melakukan rompak berkumpul.
- xxxxi. seksyen 402: Berhimpun bagi maksud hendak melakukan rompak berkumpul.
- xxxxii. seksyen 435: Khianat dengan api atau benda letupan dengan niat hendak menyebabkan kerosakan yang berharga sebanyak lima puluh ringgit.
- xxxxiii. seksyen 436: Khianat dengan api atau benda letupan dengan niat membinaaskan rumah, dsb.
- xxxxiv. seksyen 449: Pencerobohan rumah bagi maksud melakukan kesalahan yang boleh disiksa dengan bunuh.
- xxxxv. seksyen 450: Pencerobohan rumah bagi maksud melakukan kesalahan yang boleh disiksa dengan penjara seumur hidup.
- xxxxvi. seksyen 456: Siksaan bagi pencerobohan rumah dengan bersembunyi atau pecahrumah pada waktu malam.
- xxxxvii. seksyen 457: Pencerobohan rumah dengan bersembunyi pada waktu malam bagi maksud melakukan kesalahan yang boleh disiksa dengan penjara.
- xxxxviii. seksyen 458: Pencerobohan rumah dengan bersembunyi atau pecahrumah pada waktu malam setelah persiapan dibuat bagi menyebabkan cedera kepada seorang.

xxxxix. seksyen 459: Cedera parah disebabkan manakala melakukan pencerobohan rumah dengan bersembunyi atau pecahrumah

xxxxx. seksyen 460: Semua orang yang bersesama menyertai pada melakukan pecahrumah, dsb., boleh disiksa kerana kematian, atau cedera parah yang disebabkan oleh seorang daripada mereka.

Seterusnya orang ramai yang mengetahui sebarang kematian mengejut atau yang luarbiasa atau kematian yang disebabkan oleh perbuatan keganasan atau kematian yang di dalam keadaan yang disyaki atau terjumpa mayat mana-mana orang tanpa diketahui sebab-sebab kematian adalah dkehendaki memberi maklumat segera kepada Baias Polis yang hampir sekali atau kepada pegawai polis yang hampir sekali atau kepada Penghulu yang hampir sekali,⁴

Ringkasnya orang ramai dikehendaki memberi maklumat kepada polis berkenaan perkara-perkara berikut:

- a) kesalahan-kesalahan terhadap negara.
- b) kesalahan-kesalahan terhadap ketenteraman awam.
- c) kesalahan-kesalahan mengenai tubuh manusia.
- d) kesalahan-kesalahan terhadap harta, dan
- e) kematian.

Walaubagaimanapun seseorang yang mengetahui berkenaan berlakunya atau niat mana-mana juga orang lain

atau berkenaan kematian, boleh untuk tidak memberi maklumat, jika dia mempunyai sebab-sebab yang berpatutan yang mana beban membuktikannya adalah tertanggung padanya.⁵

Hal yang sama juga diperuntukkan oleh Kanun Kesiksaan yang boleh mengenakan siksaan terhadap orang yang sengaja meninggalkan daripada memberi maklumat mengenai kesalahan terhadap seksyen 121, 121A atau 121C, apabila orang tersebut adalah terpaksa di sisi undang-undang untuk berbuat demikian.⁶

Oleh itu nampaknya hanya orang yang terpaksa di sisi undang-undang sahaja boleh disabitkan bersalah dan dikenakan hukuman.

Maklumat oleh orang ramai kepada polis diistilahkan sebagai Laporan Keadaan Pertama atau First Information Report (FIR).⁷

Manakala aduan yang dikemukakan kepada Majistret pula adalah tertakluk kepada Bab XV Kanun Prosedur Jenayah. Di mana seorang Majistret yang mengambil tahu mengenai sesuatu aduan hendaklah dengan segera memeriksa pengadu itu setelah mengangkat sumpah. Kemudian aduan tersebut hendaklah ditulis serta ditandatangani oleh pengadu dan Majistret tersebut.⁸

Sekiranya Majistret mengesyaki kebenaran aduan, dia hendaklah merekod sebab-sebab keraguan dan boleh menunda pengeluaran saman. Majistret boleh membuat siasatan atau mengarahkan pegawai polis menyiasat kebenaran aduan tersebut.⁹

Majistret boleh menolak aduan jika didapati tiada sebab-sebab yang mencukupi untuk menjalankan perbicaraan selepas dijalankan pemeriksaan keatas pengadu dan menimbangkan hasil-hasil siasatan, jika ada.¹⁰

Seksyen 107 Kanun Prosedur Jenayah pula memperuntukkan sesuatu maklumat jika diberi secara lisan kepada Ketua Balai Polis (Officer in Charge of a Police Station (OCS)), dia atau pegawai di bawah arahannya hendaklah menulis maklumat itu dan dibaca semula kepada pengadu.

Sekiranya maklumat tersebut tidak ditulis, apakah ini akan menyebabkan polis tidak ada kuasa untuk bertindak dan tangkapan sidituduh adalah salah? Di dalam kes PP iwn Fong Chee Cheong¹¹, maklumat yang diberikan kepada polis telah tidak ditulis dan sidituduh telah dibebaskan Pihak Pendakwaraya telah merayu ke Mahkamah Tinggi dan Hakim Gill menyatakan;

However important a document a first information report is, it can never be treated as a piece of substantive evidence and the fact that no first information report was made is not itself a ground for throwing out a case. The power of the police to investigate do not depend solely on Chapter XIII of the Criminal Procedure Code. The duties a police officer as set out in section 20 of the Police Act, 1967 include appre-

hending all persons whom he is by law authorized to apprehend and these duties are amplified in section 23 of the Criminal Procedure Code. Most of these duties imply a power to investigate whether there has been an information under section 107 of the Criminal Procedure Code or not.

12

Rayuan pihak pendakwa telah diterima dan mahkamah memutuskan bahawa pembebasan sidutuduh adalah salah.

Tiap-tiap maklumat mestilah dicatat di dalam buku laporan yang disimpan oleh Ketua Balai Polis (OCS), dengan menulis haribulan dan waktu maklumat diterima, samada ia diberikan secara lisan atau bertulis pemberitahu mestilah menandatanganinya.¹³ Jika dia enggan berbuat demikian ia telah melakukan kesalahan di bawah seksyen 180 Kanun Kesiksaan.

Manakala seksyen 108A Kanun Prosedur Jenayah pula membolehkan salinan maklumat Laporan Keadaan Pertama (First Information Report) yang dibuat di bawah seksyen 107 atau 108 yang dikatakan telah disahkan menjadi satu salinan yang sebenar oleh Ketua Balai Polis, di terima sebagai keterangan di dalam perbicaraan.

2.2 Penyiasatan Polis mengikut Kanun Prosedur Jenayah

Polis boleh menjalankan penyiasatan setelah mendapat maklumat dari orang ramai atau yang diistilahkan sebagai Laporan Keadaan Pertama (First Information Report). Kepentingan maklumat ini ialah kerana ia di buat selalunya sebaik-baiknya sahaja selepas berlaku sesuatu kesalahan. Ingatan pemberi maklumat masih segar dan kemungkinan berlaku penipuan adalah sedikit.¹⁴

Begitu juga seksyen 109(i) membolehkan pegawai polis berpangkat sekurang-kurangnya Sarjan atau Ketua Balai Polis menjalankan kuasa khas penyiasatan setelah mendapat maklumat berkenaan kesalahan boleh tangkap.¹⁵

Tindakan pegawai polis yang menjalankan kuasa khas penyiasatan mengikut seksyen 109(i) tidak boleh dipersoalkan dengan alasan bahawa dia tidak berkuasa.¹⁶ Ini nampaknya membenarkan kuasa penyiasatan oleh pegawai polis berpangkat lebih rendah, di mana seorang Koperal mungkin menjalankan kuasa khas penyiasatan tetapi tidak boleh dipersoalkan.¹⁷ Hal ini apabila ditafsirkan perkataan "pegawai polis" mengikut seksyen 2 Akta Polis 1967, bererti seseorang anggota Polis Diraja Malaysia, yang meliputi semua pangkat termasuklah seorang Koperal.

Walaupun tanpa menerima maklumat dari orang ramai polis boleh menjalankan penyiasatan. Di dalam kes Emporar IwnKhwaja Nazir Anmad, Hakim Privy Council mengatakan Laporan Keadaan Pertama bukanlah "condition precedent" (syarat terdahulu) untuk memulakan sesuatu siasatan jenayah. Begitupun ia boleh memberikan maklumat awal tentang kesalanan jenayah yang disyaki dan bertindak sebelum terlupa dan direka-reka.

Begitu juga seksyen 110(i) Kanun Prosedur Jenayah membolehkan pegawai polis berpangkat sekurang-kurangnya Sarjan atau Ketua Balai Polis menjalankan siasatan jika ada sebab-sebab untuk mengesyaki bahawa sesuatu kesalahan boleh tangkap telah berlaku.

Seterusnya pegawai polis yang berkenaan hendaklah menghantar laporan kesalahan itu kepada Pendakwaraya. Melainkan jika ia termasuk dari jenis kesalahan yang tidak perlu dimaklumkan kepadanya¹⁹. Hal ini selalunya berkenaan kesalahan-kesalahan yang kurang seruis. Manakala kesalahan-kesalahan seperti rompakan, rogol, pembunuhan dan kesalahan serius yang lain, laporan mestilah dihantar kepada Pendakwaraya. Dari segi praktiknya Pendakwaraya mengarahkan kesalahan-kesalahan yang serius dirujuk kepadanya²⁰.

Polis boleh juga menjalankan penyiasatan setelah mendapat perintah untuk menyiasat (Order to Investigate (OTI)) daripada Pendakwaraya. Hal ini berlaku apabila polis mendapat maklumat dari orang ramai mengenai kesalahan tidak boleh tangkap²¹. Untuk itu polis hendaklah menyuruh pemberitahu maklumat membuat aduan kepada Majistret²². Majistret kemudian akan bertindak mengikut seksyen 133, 134 dan 135 dari segi pemeriksaan pengadu, penundaan pengeluaran proses dan menolak aduan jika tiada sebab-sebab yang mencukupi untuk menjalankan penyiasatan. Sebaliknya jika aduan diterima Pendakwaraya akan mengeluarkan perintah kepada polis untuk menjalankan penyiasatan.

Nampaknya di sini, polis tiada kuasa terus menjalankan penyiasatan berkenaan kesalahan tidak boleh tangkap. Sebaliknya mesti merujuk kepada Majistret dan mendapat perintah untuk menyiasat dari Pendakwaraya. Ini disebabkan oleh peruntukan seksyen 108(ii) Kanun Prosedur Jenayah, banawa polis tidak mempunyai hak untuk menggunakan kuasa khas penyiasatan di dalam kes tidak boleh tangkap melainkan setelah mendapat perintah daripada Pendakwaraya.

Setelah mendapat perintah untuk menyiasat (Order to Investigate) pegawai polis yang berpangkat sekurang-

22
kurangnya Sarjan atau Ketua Balai Polis boleh memulakan siasatan, sama seperti siasatan yang dibuat tanpa perintah di dalam kes boleh tangkap. Cuma yang membezakan ialah kesalahan tidak boleh tangkap memerlukan waran untuk menangkap sidi tuduh²³.

Keperluan untuk mendapat perintah daripada Pendakwaraya bagi menyiasat kes tidak boleh tangkap adalah wajar memandangkan tenaga polis perlu digunakan secara optimum, pandangan Majistret adalah perlu untuk menutuskan samada sesuatu penyiasatan perlu dibuat atau ia hanya membuang masa pihak polis sahaja²⁴.

Secara kasarnya dapat digariskan bahawa polis boleh menjalankan penyiasatan melalui tiga saluran :

- a) di atas maklumat Laporan Keadaan Pertama (First Information Report) bagi kesalahan boleh tangkap.
²⁵
- b) tanpa maklumat dari orang ramai tetapi polis ada sebab-sebab mengesyaki telah berlaku kesalahan boleh tangkap²⁶.
- c) setelah mendapat perintah untuk menyiasat (Order to Investigate) daripada Pendakwaraya bagi kesalahan tidak boleh tangkap²⁷.

Semasa menjalankan penyiasatan pegawai polis boleh memeriksa secara lisan seseorang yang tahu²⁸, tentang

fakta dan keadaan kes. Pegawai polis berkenaan pula hendaklah mencatatkan secara bertulis apa-apa pernyataan yang dibuat oleh orang yang diperiksa 29.

Ini bermakna penyiasatan polis boleh dijalankan secara lisan dalam bentuk soalan dan jawapan, tetapi kenyataan yang diberikan mestilah dicatatkan secara bertulis. Persoalan timbul di sini, apakah polis dikehendaki mencatatkan kenyataan yang diberikan dalam bentuk soalan dan jawapan juga? Di dalam kes PP lwn Subramaniam 30, Hakim Buhagiar bersetuju dengan penghujah Timbalan Pendakwara bahawa peruntukan seksyen 112 Kanun Prosedur Jenayah tidak menyatakan bahawa kenyataan mestilah ditulis dalam bentuk soalan dan jawapan.

Di dalam kes PP lwn Abdullah Ambik 31, tuduhan adalah mengenai sumpah bohong. Salah satu bangkangan Peguam Pembela ialah kenyataan yang dibuat di bawah seksyen 112 tidak di dalam bentuk soalan dan jawapan. Hakim Mohamed Dzaidin telah merujuk dan bersetuju dengan keputusan kes Subramaniam.

Menurut seksyen 112(ii) Kanun Prosedur Jenayah seorang yang disoalsiasat atau di dalam pemeriksaan polis mestilah menjawab semua soalan yang dikemukakan. Pun begitu ia boleh menolak dari menjawab jika jawapan yang diberikannya boleh menyebabkannya disabit dengan

tuduhan jenayah atau penalti atau pelucutan hak. Dia juga dikehendaki bercakap benar, samada dia menjawab kesemuanya atau sebahagiannya. Perkara ini mestilah dinyatakan kepadanya terlebih dahulu sebelum dijalankan soal siasat.

Seksyen 112(v) 32 , pula memperuntukkan bahawa pernyataan hendaklah "apabila boleh", diambil secara bertulis, ditandatangani atau diturunkan cap jari oleh pemberi kenyataan selepas dibacakan semula kepadanya dan selepas diberi peluang membuat pembetulan. Perkataan "apabila boleh", sebelum dari permintaan supaya diambil secara bertulis dan diturunkan tandatangan atau cap jari, nampaknya bercanggah dengan peruntukan sub-seksyen (i) yang memperuntukkan bahawa kenyataan hendaklah dibuat secara bertulis.

Ini juga menimbulkan keraguan apakah "apabila boleh" merujuk kepada permintaan supaya diambil secara bertulis atau ditandatangan atau kedua-duanya ?

Di dalam kes Abdul Ghani bin Jusoh Iwn PP³³,

sidituduh telah tidak menandatangani kenyataan yang dibuat olehnya. Mahkamah Persekutuan dalam hal ini terpaksa menyelesaikan percanggahan antara peruntukan sub-

seksyen (i) dan subseksyen (v), di mana yang pertama mensyaratkan supaya kenyataan dicatatkan secara bertulis. Manakala yang kedua pula lebih longgar. Oleh kerana peruntukan yang kedua dibuat kemudian, semestinya Parlimen lebih berhati-hati terhadap peruntukan mandatori subseksyen (i). Ini menyebabkan perkataan "apabila boleh" hanya merujuk kepada permintaan menangani atau menurunkan cap jari sahaja. Ia tidak merujuk kepada permintaan supaya kenyataan diambil secara bertulis. Menurut Hakim Mahkamah Persekutuan Wan Sulaimen:

If will be proper to assume that Parliament is aware of the state of the law prior to these amendments including the fact that section 112(i) had prior to the addition of section 112(v) already make it mandatory for the recording officer to "reduce into writing any statement" made by the person examined. It therefore follows that the words "whenever possible" in section 112(v) can only refer to the act of obtaining the signature or thumb impression of the person examined, and not to the clause "to be taken down in writing", an act which has already been prescribely by the earlier subsection. It is not too difficult to contemplate exceptional circumstances where a court may, on being satisfied as to a reason for failure to obtain these marks of authentication, yet allow such statement to be used for the purpose to which the section 112 and section 113 allow them to be used

34

Di dalam kes ini tiada sebarang alasan dikemukakan untuk menyokong kegagalan sikituduh menurunkan tandanya atau cap jari. Oleh itu kenyataan tersebut tidak dapat diterima.

Satu contoh di mana kegagalan menurunkan tangan atau cap jari boleh dimaafkan apabila pemberi

pemberi maklumat mengalami kecederaan tangannya yang menyebabkan mustahil untuk berbuat demikian 35 :

Di dalam kes Jayaraman & Ors. Iwn PP³⁶, kenyataan telah dibuat secara lisan. Isunya di sini apakah kenyataan lisan dapat diterima atau tidak mengikut peruntukan seksyen 113 Kanun Prosedur Jenayah. Peguam pembela telah berhujah dengan kes Abdul Ghani bin Jusoh bahawa perkataan "apabila boleh" merujuk kepada pengesahan (authentication) kenyataan dan bukan kepada "bentuk kenyataan yang dibuat". Oleh yang demikian semua kenyataan mestilah dalam bentuk tulisan. Mahkamah Persekutuan telah membezakan kes Abdul Ghani bin Jusoh kerana kes tersebut telah ditolak disebabkan kenyataan yang dibuat tidak disahkan. Persoalannya ialah mengenai pengesahan kenyataan bukan samada kenyataan lisan boleh diterima atau tidak. Mahkamah selanjutnya meneruskan :

Di dalam penghakiman, sesuatu kenyataan adalah diterima kerana perkataan "apabila boleh" pada pandangan kami bukan sahaja meliputi perkataan "dan ditandatangani oleh pemberi kenyataan atau diturunkan cap jari", tetapi juga perkataan sebelumnya iaitu "hendaklah diambil secara bertulis". Oleh itu pada pandangan kami walaupun Inspektor polis atau pegawai polis yang menjalankan kuasa merekod, adalah dikenendaki mengambil kenyataan secara bertulis, kegagalan melakukannya jika ada sebab-sebab yang munasabah berkenaan kegagalan tersebut tidak akan menyebabkan ianya tidak dapat diterima. Oleh itu kenyataan lisan yang dibuat adalah diterima. 37 :

Persoalan apakah sidituduh berhak mendapat akses salinan kenyataan yang dibuat olehnya telah timbul

dalam beberapa kes. Di dalam kes Anthony Gomez lwn Ketua Polis Daerah Kuantan 38 , Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa sidituduh berhak keatas salinan maklumat bertulis dan hendaklah diberikan salinannya apabila diminta. Mengikut Ketua Hakim Negara Suffian hak sidituduh adalah mengikut kehendak Common Law yang memberi hak kepada seseorang untuk mendapat sesuatu dokumen di mana dia ada kepentingannya.

Di dalam kes Husdi lwn PP 39 , Hakim Syed Othman mengaitkan hak sidituduh mendapat maklumat dengan hak kebebasan asasi yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan perkara 5(3) :

Jika seseorang ditangkap maka hendaklah ia diberitahu dengan seberapa segera yang boleh sebab-sebab ia ditangkap dan ia hendaklah dibenarkan berunding dengan pengamal undang-undang yang dipilih olehnya dan dibela oleh pengamal undang-undang itu.

Bagaimana pula kenyataan sidituduh yang dibuat semasa penyiasatan polis, apakah ia berhak mendapat salinan kenyataan tersebut ? Di dalam membuat penilaian ke atas akses, kita perlu mengambil kira tiga perkara :

- a) samada kenyataan tersebut dibuat oleh sidituduh atau tertuduh bersama (co-accused).
- b) samada amaran telan diberikan atau tidak, dan
- c) samada permintaan untuk akses dibuat sebelum perbicaraan atau selepas perbicaraan

Di dalam kes Khoo Siew Bee & Anor lwn Ketua Polis

Kuala Lumpur⁴¹, pihak pemohon telah meminta salinan kenyataan beramaran (cautioned statement) mereka sebelum perbicaraan dijalankan, tetapi telah ditolak oleh pihak polis. Mereka kemudian telah merayu kepada Mahkamah Tinggi. Ketua Hakim Suffian telah membenarkan permohonan tersebut dengan mengatakan bahawa ia merupakan dokumen awam (public document) dan disebabkan mereka mempunyai kepentingan sepaututnyalah mereka mendapat akses dan diberikan salinan. Selanjutnya beliau mengatakan :

I do not think that my ruling is unfair. The cautioned statements have been made by the accused themselves (not by others implicating the accused), and so there is no fear of the accused tampering with potential witnesses who have given information against them. Also, the statements have been signed by the accused, and so it will be difficult for them to depart radically from what has been recorded.⁴²

walaubagaimanapun peruntukan ini hanya mengenai kenyataan yang dibuat oleh sedituduh sahaja. Manakala kenyataan oleh saksi samada untuk menentang sedituduh atau bagi pihaknya, adalah tidak tertakluk. Dalam hal ini pihak pendakwa tidak berkewajipan untuk menyediakan kenyataan tersebut kepada pihak pembela.⁴³

Apabila pihak pendakwa ingin mengemukakan kenyataan tersebut sebagai keterangan semasa perbicaraan, pihak peguampembela hendaklah diberikan salinan atau diberikan peluang membuat salinan dan satu

penangguhan yang singkat. Walaupun pihak pendakwa tidak mengemukakan kenyataan tersebut sebagai keterangan tetapi peguampembela boleh melakukannya semasa pemeriksaan balas pegawai polis yang merekodkan kenyataan tersebut. Di dalam hal ini, peguampembela akan diberikan salinan atau diberikan peluang membuat salinan dan satu penangguhan yang singkat. Prosedur ini telah dinyatakan oleh Ketua Hakim Suffian di dalam kes Khoo Siew Bee 44, dan oleh Mahkamah Persekutuan di dalam kes PP lwn Mohamed Nor bin Jantan⁴⁵.

Di dalam kes Husdi lwn PP 46, sidituduh telah membuat permohonan salinan kenyataan beramaran yang dibuat olehnya kepada polis dan kenyataan saksi yang direkod oleh polis. Hakim Mahkamah Persekutuan Syed Othman telah membenarkan permohonan pertama berdasarkan autoriti kes Khoo Siew Bee yang dibuat sebelumnya. Permohonan kedua pulak tidak diluluskan juga berdasarkan autoriti kes Khoo Siew Bee.

Di dalam kes Haji Abdul Ghani bin Ishak lwn PP 47, terdapat banyak permohonan dibuat. antaranya untuk mendapat salinan kenyataan beramaran atau tidak yang dibuat oleh sidituduh dan salinan-salinan kenyataan oleh tertuduh bersama (co-accused).

Hakim Wan Yahya telah membenarkan permohonan pertama berdasarkan autoriti kes Khoo Siew Bee. Manakala permohonan kedua tidak dibenarkan kerana tertuduh bersama boleh menjadi saksi bagi pihak menentangnya dan kenyataan oleh saksi tidak boleh diberikan kepada sidituduh.

Sebenarnya kuasa merekodkan kenyataan atau pengakuan bersalah oleh sidituduh bukan sahaja boleh dilakukan oleh polis, malah Majistret boleh melakukannya.

Seksyen 115 Kanun Prosedur Jenayah membolehkan Majistret untuk merekod sebarang kenyataan atau pengakuan bersalah yang dibuat dihadapannya pada bila-bila masa sebelum dijalankan siasatan atau perbicaraan. Pernyataan atau pengakuan bersalah tersebut hendaklah ditulis sepenuhnya oleh Majistret yang menerimanya dan kemudian boleh dihantar kepada Majistret (jika berlainan) untuk menyiasat dan membicarakan kes tersebut. Majistret itu tidak boleh merekod sebarang pernyataan atau pengakuan bersalah, melainkan setelah menyoal orang yang membuatnya dan dia ada sebab-sebab mempercayai bahawa ianya dibuat secara sukarela. Majistret tersebut juga hendaklah mencatatkan memorandum berikut di kaki catatan itu :

Saya percaya yang akuan salah ini telah dibuat dengan sukareia. Ini diambil dihadapan dan pada pendengaran saya sendiri dan telah dibacakan balik kepadanya dan ia mengaku betul serta mengandungi isi-isi yang penuh dan benar mengenai apa-apa yang disebutnya.

(Tandatangan) A.B.
Majistret. 48

Majistret yang merekodkan pernyataan atau pengakuan bersalah tidak akan hilang kelayakannya untuk menyiasat dan membicarakan kes tersebut⁴⁹. Manakala orang yang membuat pernyataan atau pengakuan bersalah tidak dikehendaki untuk bersumpah atau berikrar⁵⁰.

Pegawai polis yang menjalankan penyiasatan (Investigation Officer) mempunyai kuasa untuk melakukau penggeledahan untuk mendapatkan dokumen atau barang-barang lain bagi menjalankan sesuatu penyiasatan⁵¹.

Walaupun peruntukan ini memberarkan pegawai polis melakukan penggeledahan apabila mereka ada sebab-sebab mempercayai bahawa orang yang telah atau akan dikeluarkan saman di bawah seksyen 51 tidak akan memberikan dokumen atau barang-barang lain yang tidak diketahui pemiliknya. Tetapi dari segi praktiknya polis tidak akan menunggu saman atau perintah untuk berbuat demikian. Mereka akan terus menjalankan kuasa di bawah seksyen ini dan melakukan penggeledahan. Mereka juga boleh mengarahkan pegawai bawahannya melakukan penggeledahan tersebut⁵².

Polis boleh menahan seseorang untuk tujuan penyiasatan tidak melebihi 24 jam. Di mana polis dikehendaki membawa tahanan tersebut ke hadapan Majistret dalam tempoh 24 jam tidak termasuk tempoh perjalanan yang perlu⁵³.

Bagaimana pula apabila penyiasatan polis tidak dapat diselesaikan dalam tempoh 24 jam, apakah polis dapat menahan tahanan tersebut lebih lama? Seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah membenarkan polis menahan seseorang lebih dari tempoh 24 jam setelah membawa orang tersebut beserta salinan catatan harian ke hadapan Majistret. Majistret boleh memberi kuasa membenarkan tahanan tidak lebih daripada lima belas (15) hari pada keseluruhannya. Sekiranya Majistret memikirkan tiada faedah menahan orang tersebut atau dia tiada kuasa membicarakannya hendaklah ia menyuruhantarkan kepada Majistret lain yang berkuasa atau dibawa ke hadapan Mankamah Tinggi (jika kes itu tidak boleh dibicarakan di situ). Majistret yang membenarkan penahanan tersebut hendaklah merekod sebab-sebab yang ia berbuat demikian⁵⁴

Persoalan timbul di sini apakah ketinggalan (omission) merekod sebab-sebab penahanan akan menyebabkan penahanan tersebut menjadi batal dan tidak sah? Ini kerana hendaklah nampaknya peruntukan mandatori-

Polis boleh mengeluarkan bon untuk memastikan kehadiran saksi dan pengadu semasa perbicaraan di mahkamah. Pegawai polis yang mengeluarkan bon hendaklah menghantarkannya ke Mahkamah Majistret. Sekiranya terdapat saksi atau pengadu yang enggan menyempurnakan bon, polis bolehlah memohon agar mahkamah mengeluarkan waran atau saman untuk mendapatkan mereka hadir memberi keterangan di mahkamah.⁵⁶

Peruntukan seksyen ini nampaknya hanya tertakluk kepada saksi dan pengadu sahaja. Ia tidak meliputi sidituduh.⁵⁷

Setiap pegawai polis yang menjalankan penyiasatan dikehendaki mencatat prosiding penyiasatannya di dalam buku Catatan Harian Penyiasatan Polis (Police Investigation Diary).⁵⁸ Catatan tersebut hendaklah mengandungi :

- a) waktu diterima perintah menyiasat, jika ada. Ini juga meliputi perintah untuk menyiasat (Order to Investigate) bagi kesalahan tidak boleh tangkap.⁵⁹
- b) waktu dimuiakan dan ditamatkan penyiasatan,
- c) nama tempat atau tempat-tempat yang dilawatinya,
- d) suatu pernyataan mengenai "pendapat-pendapat" yang ditentukan melalui penyiasatannya.

Mengikut peruntukan seksyen 119 ini, sidituduh tidak berhak untuk mendapatkan atau memeriksa sebarang

buku harian, samada sebelum penyiasatan atau semasa perbicaraan dijalankan. Pun begitu ia boleh mendapatkan atau memeriksa buku tersebut apabila pegawai polis yang menjalankan penyiasatan ingin mengembalikan semula ingatannya.⁶⁰ Dalam hal ini hanya catatan yang dirujuk semula sahaja oleh pegawai polis boleh ditunjukkan kepada sidituduh. Mankamah pula boleh atas permintaan pegawai polis berkenaan untuk menyembunyikan atau memusnahkan catatan yang lain.

Apabila penyiasatan polis telah selesai, pegawai polis yang menjalankan siasatan hendaklah menghantar laporan kepada Pendakwaraya mengikut kehendak Jadual Kedua dengan menyatakan mana-mana pihak, keadaan maklumat dan mana-mana orang yang didapati mengetahui hal keadaan kes tersebut. Tidak semua kes perlu dihantar laporan kepada Pendakwaraya. Ia hanyalah berkenaan kes-kes yang telah diperintahkan oleh Pendakwaraya untuk melapor kepadanya. Pendakwaraya boleh pada bila-bila masa mengubah atau membatalkan perintah tersebut.⁶¹

2.2.1 Penerimaan Kenyataan kepada Polis sebagai Keterangan mengikut Kanun Prosedur Jenayah

Sebenarnya penerimaan kenyataan yang dibuat kepada polis sebagai keterangan adalah merupakan bahan perbincangan undang-undang keterangan⁶². Pun begitu disebabkan seksyen 113 Kanun Prosedur Jenayah telah menyebut berkenaan penerimaan kenyataan tersebut sebagai keterangan. kita akan membincangkannya di sini.

Kenyataan yang dibuat kepada polis adalah tertakluk kepada peruntukan seksyen 112 dan 113 Kanun Prosedur Jenayah. Seksyen 112 adalah berkenaan kenyataan yang dibuat semasa soalsiasat polis. Manakala seksyen 113 yang ditambah kemudiannya⁶³ adalah lebih luas. Ia merujuk kepada kenyataan yang dibuat pada bila-bila masa, samada semasa soalsiasat polis ataupun tidak.

Menurut seksyen 112 kenyataan yang dibuat kepada pegawai polis yang menyiasat (Investigating Officer)⁶⁴. manakala menurut seksyen 113 pula kenyataan dibuat kepada pegawai polis berpangkat Inspektor ke atas. Oleh itu sebelum kenyataan dapat diterima sebagai keterangan ia mestilah dibuat kepada pegawai polis berpangkat sekurang-kurangnya Inspektor.

Di bawah seksyen 112, kenyataan boleh dibuat oleh seseorang yang tahu, termasuklah orang yang kemudiannya menjadi sudituduh. Seksyen 113 pula merujuk kepada kenyataan yang dibuat oleh sudituduh.

Walaupun seksyen 112(1) memperuntukkan supaya sesuatu kenyataan dibuat secara bertulis, subseksyen(v) dan tafsiran Mahkaman Persekutuan menjadikannya mandatori "apabila boleh"⁶⁵. Ini nampaknya bersesuaian dengan peruntukan seksyen 113 yang membenarkan kenyataan samada secara lisan atau secara bertulis. Seksyen 112 mewajibkan supaya orang yang berkenaan bercakap benar dan kenyataan yang dibuat olehnya boleh digunakan untuk mencabar kebolehpercayaannya (Impreahment of Credit). Seksyen 113 pula tidak menyebut kewajipan ini, tetapi ia membenarkan kenyataan yang dibuat dicabar kebolehpercayaannya. Seksyen 112 tidak mensyaratkan supaya amaran diberikan tetapi pegawai polis yang menjalankan soalsiasat (Interrogating Officer) hendaklah menyatakan kepada orang tersebut bahawa ia dikehendaki menjawab semua soalan, kecuali apa yang mungkin boleh mendedahkannya kepada tuduhan jenayah atau penalti atau pelucutan hak, dan dia dikehendaki bercakap benar. Manakala seksyen 113, mensyaratkan amaran diberikan, hanya apabila

ditahan
kenyataan dibuat selepas orang tersebut. Amaran tidak perlu diberikan jika kenyataan dibuat sebelum dia ditahan. Dalam hal ini seksyen 112(iv) adalah terpakai.⁶⁶

Oleh kerana kenyataan yang dibuat kepada polis boleh diterima sebagai kererangan di bawah seksyen 113. syarat-syarat seksyen tersebut hendaklah dipenuhi bersama-sama seksyen 112. Sekiranya polis tidak pasti siapakah di antara saksi-saksi akan menjadi situduh. Adalah perlu mengikut syarat-syarat di bawah seksyen 113 jika saksi-saksi tersebut ditahan. amaran hendaklah diberikan dan pegawai polis yang merekod kenyataan mestilah berpangkat Inspektor ke atas dan kenyataan tersebut dibuat dengan sukarela.⁶⁷

A.2.2 Seksyen 113 Kanun Prosedur Jenayah

Sekarang kita akan mengkaji peruntukan seksyen 113. ia merujuk kepada "seseorang yang dituduh", ertiya situduh. Walaupun ia merujuk kepada tuduhan dengan 'sesuatu kesalahan', terdapat undang-undang yang menentukan jenis kesaiahan tersebut.⁶⁸

Kenyataan yang dibuat kepada polis samada berupa pengakuan bersalah ataupun tidak. Ianya boleh dibuat

secara bertulis atau secara lisan. Apabila ianya dibuat secara lisan, pihak pendakwa mestilah meyakinkan mahkamah kenapa ia tidak dibuat secara bertulis. Dalam hal ini seksyen 112(v) mestilah dibaca bersama-sama kes Jayaraman dan kes Abdul Ghani bin Jusoh⁶⁹.

Kenyataan boleh dibuat kepada pegawai polis berpangkat sekurang-kurangnya Inspektor atau pada pendengaran pegawai berkenaan dan ianya juga boleh dibuat secara terjemahan. Di dalam kes Cheong See Leong (wn PP 70), tuduhan telah dibuat di bawah Undang-undang Darurat 1948 yang hampir menyerupai seksyen 113 Kanun Prosedur Jenayah. Cuma ia tidak menyebut tentang kenyataan dibuat melalui penterjemah. Di dalam kes ini kenyataan telah dibuat di dalam Bahasa Hakka kepada seorang Detektif Sarjan yang kemudian menterjemahkan kepada Ketua Polis Daerah di dalam Bahasa Malaysia. Ketua Polis Daerah kemudian merekodkan kenyataan tersebut di dalam Bahasa Inggeris. Persoalan di sini apakah kenyataan yang dibuat melalui penterjemah adalah kenyataan yang dibuat kepada atau pada pendengaran Ketua Polis Daerah? Hakim Spenser Wilkinson memutuskan bahawa kenyataan yang dibuat melalui penterjemah kepada Inspektor Polis adalah kenyataan kepada Inspektor tersebut.

Di dalam kes PP lwn Tan Keo Hock, tuduhan dibuat di bawah Essential (Security Cases) Regulations 1975, di mana di dalam peraturan 21(1)(a) kenyataan hendaklah di buat kepada atau pada pendengaran pegawai polis. Soalsiasat telah dijalankan di dalam Bahasa Hokien dan Mandarin. ASP Lee telah meminta pertolongan Detektif Koperai untuk menjalankan soalsiasat kerana beliau kurang dapat menguasai bahasa tersebut. ASP Lee mengatakan beliau memahami bahasa Hokien tetapi tidak dapat bercakap dalam bahasa tersebut. Semasa soalsiasat ASP Lee tidak percakap dengan seditudun dan sidituduh tidak bercakap dengannya. Apabila ASP Lee mahu sidituduh membuat pengakuan, beliau bercakap melalui penterjemah Detektif Koperainya. Hakim George memutuskan bahawa kenyataan tersebut adalah diterima.

Seksyen 113 memperuntukan bahawa kenyataan mestilah dibuat kepada pegawai polis berpangkat sekurang-kurangnya Inspektor. Seksyen 2 kanun yang sama pula mendefinisikan perkataan Inspektor sebagai Inspektor dari sebarang kelas, tidak termasuk sub-Inspektor. Oleh itu ia termasuklah Ketua Inspektor, Inspektor Kanan, Inspektor dan Inspektor Percubaan.

Di dalam kes Abdul Ghani bin Jusoh lwn PP 72,

kenyataan telah dibuat kepada seorang Inspektor percubaan. Hakim Mahkamah Persekutuan Wan Suleiman merujuk kepada Akta Polis 1967 di mana di dalam Jadual Pertama pangkat Inspektor Percubaan terletak di bawah pangkat inspektor. Hakim telah juga merujuk kepada kes PP lwn Ng Goh Weng & Anor⁷³, di mana Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa kenyataan mestilah dibuat kepada pegawai polis berpangkat Inspektor atau ke atas.

Selanjutnya mahkamah mengatakan :

If clearly the statement was made to an officer below the rank of Inspector, then the duty of committing Magistrate is easy he simply rejects it -4 .

Keputusan ini nampaknya masih tidak dapat memberikan tafsiran mengenai Inspektor, ia hanyalah merujuk kepada kehendak peruntukan seksyen 113 Kanun Prosedur Jenayah. Begitu juga Jadual Pertama Akta Polis 1967 hanyalah menyenaraikan kedudukan pangkat-pangkat di dalam perkhidmatan polis, ia tidak memberikan penjelasan definasi Inspektor. Seksyen 2 Kanun Prosedur Jenayah punia nampaknya telah memberikan definasi Inspektor. Sebaliknya keputusan Mahkamah Persekutuan telah menolak kenyataan yang dibuat kepada Inspektor Percubaan dan ianya bukan merupakan kenyataan kepada Inspektor polis.

Pun begitu kemudian Parlimen telah meluluskan Akta Polis (Pindaan) 1981⁷⁵, seksyen 2 berbunyi:

rujukan
Apa-apakah dalam Akta ini dan mana-mana undang-undang bertulis yang lain kepada seorang pegawai polis yang berpangkat tertentu hendaklah termasuk mana-mana pegawai polis yang sedang memangku, atau dalam percubaan atau dalam latihan, dalam pangkat sedemikian dan subseksyen ini hendaklah disifatkan sebagai bahagian yang melengkapkan bagi Akta ini dari masa Akta ini mula berkuatkuasa.

Resan kebelakangan (retrospective effect) pindaan Akta tersebut adalah penting disebabkan keputusan Mahkamah Persekutuan. Terdapat banyak peruntukan di dalam Kanun Prosedur Jenayah berkenaan pangkat khasnya Inspektor Polis⁷⁶. Ini menjadikan setiap tindakan Inspektor Percubaan yang telah lalu akan menjadi batal dan tidak sah termasuk semua perbicaraan dan pendakwaan olehnya⁷⁷.

Penterjemahan telah dibenarkan dengan jelasnya seksyen 113 Kanun Prosedur Jenayah. Oleh kerana terdapat banyak bahasa di negara Malaysia, menyebabkan terjemahan suatu keperluan (imperative). Kenyataan yang dibuat secara terjemahan adalah dikira kenyataan kepada pegawai polis. Persoalan timbul di sini mengenai status orang yang menjalankan penterjemahan atau penterjemah. Seksyen 113 Kanun Prosedur Jenayah menyebut bahawa ia samada "oleh pegawai polis yang lain ataupun orang lain".

Di dalam kes Cheong See Leong lwn PP '78, isu yang timbul ialah jika orang yang menjalankan terjemahan mempunyai kepentingan ini akan menyebabkan dia terdedah untuk mereka-reka kes tersebut. Perbandingan telah dibuat di antara seorang penterjemah dan pegawai kehakiman, yang mana dikehendaki bebas dari bersikap bias. Jika dia mempunyai kepentingan tertentu di dalam kes berkenaan, anggapan yang dibuat ialah dia tidak dapat bebas dari bias. Oleh itu mestilah dianggap ia tidak bebas dari kemungkinan-kemungkinan berlaku bias. Mahkamah memutuskan prinsip ini terpakai juga kepada penterjemah.

Sementara itu adalan perlu juga difikirkan status pegawai polis yang merekodkan kenyataan. Di samping ianya mesti berpangkat sekurang-kurangnya Inspektor, apakah boleh ia dibuat oleh pegawai polis yang menjalankan penyiasatan (Investigating Officer) bagi kes tersebut pada masa yang sama. Dalam hal ini mahkamah telah bercanggah pendapat. Di dalam kes PP lwn Yong Kon Hin '79, Hakim Wan Yahya mengatakan mengikut kaedah hemat dan cermat (prudence) juga Kaedah suai-manfaat (expediency), pegawai penyiasat dan mereka yang berkenaan yang mempunyai pengetahuan yang detail tentang kes tersebut hendaklah menahan diri

dari merekodkannya. Di dalam kes ini pegawai polis yang merekodkan kenyataan adalah juga pegawai yang bergiat cergas di dalam penangkapan dan penyiasatan.

Di dalam kes Mohamed Yusuf bin Haji Anmad lwn PP⁸⁰ pegawai penyiasat telah tidak bergiat aktif dalam penyiasatannya. Hakim Syed Agil Barakbah menyatakan fakta keadaan di mana pegawai penyiasat adalah juga pegawai yang merekod kenyataan, tidak mencukupi untuk menolak kenyataan yang dibuat. Di dalam kes Lee Look lwn PP⁸¹, mahkamah mendapati disebabkan pegawai penyiasat terlibat di dalam penyiasatan, ia terdedah kepada kemungkinan berlaku bias.

Manakala di dalam kes Cheong See Leong lwn PP⁸², mahkamah mengatakan :

...following the former Court of Appeals decision in that case, I considered that the use of investigating officer, who was actively involved in the investigation of the case, and who was subsequently called as a witness, as a recording officer in taking the cautioned statement from the appellant resulted in a likelihood of bias on his part. In the circumstances the learned President should have a matter of law and fact held that the cautioned statement was inadmissible in evidence as it might result in miscarriage of justice.⁸³.

Satu cara untuk menyelesaikan percanggahan keputusan tadi ialah melihat sejauh mana penglibatan pegawai penyiasat di dalam penyiasatan. Kaedah kemungkinan berlaku bias adalah terpakai seperti

keadaan seorang penterjemah. Bahkan ia sepatutnya lebih terpakai tanpa melihat sejauhmana penglibatannya di dalam sesuatu penyiasatan.⁸⁴

2.2.3 Siasatan Permulaan (Preliminary Inquiry)

Seksyen 113 Kanun Prosedur Jenayah menerima kenyataan yang dibuat semasa penyiasatan polis sebagai keterangan di dalam perbicaraan. Di dalam kes PP lwn Ng Goh Weng & Anor⁸⁵, isu yang timbul di mahkamah Persekutuan ialah apakah perkataan "perbicaraan" termasuk juga siasatan permulaan? Telah diputuskan bahawa siasatan permulaan adalah termasuk di dalam perbicaraan. Mengikut Ketua Hakim Suffian, penerimaan kenyataan yang dibuat kepada polis sebagai keterangan di dalam perbicaraan adalah "a fortiori"⁸⁶, diterima sebagai keterangan di dalam siasatan permulaan.

2.2.4 Dengan Sukarela

Untuk menjadikan sesuatu kenyataan diterima sebagai keterangan ia mestilah dibuat secara sukarela, iaitu tanpa disebabkan oleh sesuatu dorongan, ugutan

atau janji terbit dari seseorang yang berkuasa dan pada pendapat mahkaman cukup untuk memberi kepada sijitidun alasan-alasan yang pada pendapatnya adalah munasabah bagi menyangkakan bahawa dengan membuat kenyataan tersebut dia akan mendapat sesuatu faedah atau dapat mengelakkan sesuatu keburukan keduniaan berkenaan prosiding terhadapnya.⁸⁷

Sesuatu kenyataan boleh dikira dibuat tanpa sukarela apabila terdapat perbuatan menindas (oppression) oleh pegawai polis yang menjalankan soalsiasat. Di dalam kes Dato' Mokhtar bin Hashim lwn PP⁸⁸, Mahkamah Persekutuan mengambil kira masa yang lama dan pelik semasa soalsiasat seperti yang tercatit di dalam catatan diari termasuk sebagai penindasan. Mahkamah telah bersetuju dengan penggunaan maksud tersebut seperti yang telah diputuskan oleh Hakim Sachs di dalam kes R lwn Priestly⁸⁹, perkataan penindasan juga telah disebut di dalam kes PP lwn Han Kong Juan & 2 Ors⁹⁰, manakala di dalam kes R lwn Priestly⁹¹, Hakim Sachs mengatakan :

Oppression; in the context of principles under consideration imports something which tends to sap, and has sapped, that free will which must exist before a confessing is voluntary ... Whether or not there is oppression in an individual case depends upon many elements ... They include such things as the length of time of any individual period of questioning, the length of time intervening between periods of questioning whether the accused has been given proper refreshment or not, and the characteristics of the person who makes the statement. What may be oppressive as regards a child, an invalid or an old man or somebody inexperienced in the ways of this world may turn out not to

be oppressive when one finds that the accused person is of a tough character and an experienced man of the world.

92

Di dalam kes Mohamed Yusof Iwn PP⁹³, Hakim Syed

Agil Barakbah berpendapat bahawa ugutan dan dorongan bukan sahaja berlaku secara langsung, bahkan ia boleh terjadi secara tidak langsung. Contohnya dari tingkah jaku percakapan dan perbuatan orang yang berautoriti dan mahkamah berpuashati dari fakta dan keadaan persekitaran menyebabkan sidituduh membuat kenyataan samada dia suka ataupun tidak. Di dalam kes ini, pegawai polis yang menjalankan soalsiasat telah menggunakan suara yang kasar dan kelihatan marah kerana mukanya menjadi merah. Tetapi dia tidak membuat dorongan, ugutan atau janji kepada sidituduh supaya membuat kenyataan tersebut. Mahkamah memutuskan bahawa kenyataan tersebut dibuat tanpa kerelaan.

Di dalam kes Ibrahim Iwn R⁹⁴, Lord Summer

menerangkan apa yang dimaksudkan tentang kenyataan secara sukarela. iaitu kenyataan yang didapati bukan disebabkan oleh ketakutan atau prejedis ataupun harapan untuk mendapat kelebihan hasil dari perbuatan orang yang mempunyai autoriti. Bepan untuk membuktikan bahawa kenyataan dibuat dengan sukarela terletak kepada pihak pendakwa dan kuantamnya ialah sehingga tiada was-was yang munasabah.

Perkara ini telah ditimbulkan di dalam kes Tan Too Kia Iwn PP 95.

Apabila kerelaan sesuatu kenyataan yang dibuat dicabar oleh pihak peguampembela atau apabila mahkamah berpendapat bahawa kenyataan tersebut tanpa kereaian, suatu "voir dire" atau perbicaraan dalam perbicaraan akan diadakan. Sebaliknya jika pihak peguampembela tidak mencabar kebenaran kenyataan tersebut dibuat secara sukarela atau mahkaman tidak mempunyai keraguan menerimanya, "voir dire" tidak perlu diadakan. Di dalam kes PP Iwn Mohamed Noor bin Jantan 96, Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa voir dire adalah tidak perlu sebelum kenyataan tersebut diterima sebagai keterangan apabila kerelaan kenyataan tersebut tidak dipertikaian. Prosedur voir dire telah dinyatakan di dalam kes Abdul Mahmud Iwn PP 97, di mana Majistret telah memanggil sedituduh untuk memberi keterangan kemudian barulah memanggil saksi pendakwa (prosecution witness). Kemudian beliau memutuskan bahawa kenyataan tersebut dibuat dengan sukarela dan diterima sebagai keterangan. Prosedur ini didapati salah. Mengikut Hakim Syed Agil Barakban bahawa persoalan kerelaan adalah terletak di bahu Pendakwaraya untuk membuktikan bukan tanggungjawab sedituduh.

Seterusnya beliau mengatakan, adalah menjadi tugas pihak pendakwa membuktikan bahawa ia dibuat dengan sukarela dan bukannya diperolehi dari sidituduh disebabkan oleh ugutan, dorongan atau harapan untuk mendapatkan kelebihan di atas janji yang dibuat oleh orang yang berautoriti. Jika ada seseorang yang tertentu atau dikenali semasa perbicaraan adalah orang yang menyerang sidituduh, dia hendaklah dipanggil untuk menyangkai tuduhan sidituduh. Di dalam kes Tan Too Kia lwn PP⁹⁸, sidituduh telah mengenali seorang Inspektor bernama Md. Lias, iaitu salah seorang pegawai polis yang telah menyerangnya. Inspektor tersebut telahpun dipanggil untuk memberi keterangan tetapi bukan untuk menyangkal tuduhan sidituduh.

Mahkamah Persekutuan kemudian memanggil Inspektor Md. Lias sekali lagi untuk menyangkal pengataan (allegation) sidituduh.

Di dalam kes PP lwn Mustafa bin Ahmad⁹⁹, Hakim mendapati di akhir "voir dire" bahawa kenyataan yang dibuat adalah secara sukarela. Tetapi di akhir mendengar perbicaraan setelah keseluruhan keterangan mahkamah tidak lagi berpuashati sehingga tiada was-was yang munasabah bahawa ia dibuat secara sukarela. Kandungan kenyataan tersebut telah menjadi tidak relevan.

3 Aduan dan Maklumat menurut perspektif Islam

Sebelum kita membincang mengenai aduan terhadap kesalahan jenayah, perlu kita melihat sikap umat Islam terhadap perbuatan itu. Dalam hal ini Allah s.w.t telah berfirman :

**كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أَخْرَجْتُ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ
بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَايُونَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتَوَمَّنُونَ بِإِلَهٍ**

Maksudnya, "Kamu (orang-orang Islam) adalah sebaik-sebaik umat yang dikeluarkan kepada manusia supaya kamu menyuruh berbuat kebaikan dan menegah kemungkaran serta kamu beriman kepada Allah".¹⁰⁰

Kesulullan juga telah tersabda :

**مَنْ رَأَىٰ مِنْكُمْ مُنْكَراً فَلِيغِيرْهُ بِيدهِ فَإِنْ لَمْ يُسْتَطِعْ فَلِسَانَهُ
فَإِنْ لَمْ يُسْتَطِعْ فِي قَلْبِهِ وَذَلِكَ أَضْعَافُ الإِيمَانِ.**

Maksudnya, "Sesiapa yang melihat perbuatan mungkar (yang berlaku) di antara kamu, hendaklah dia mengubahnya dengan tangan (kuasa yang ada padanya), jika dia tidak berupaya hendaklah dia mengubahnya dengan iisan (percakapannya), jika dia tidak berupaya hendaklah dia mengubahnya dengan hatinya (dengan tidak menyetujuinya). Keadaan yang demikian merupakan selemah-lemah iman".¹⁰¹

Hadith di atas menunjukkan kepada kita saranan untuk mengubah kemungkaran dalam segala bentuk dan cara yang boleh. Ia juga menunjukkan bahawa Islam tidak membenarkan umatnya berdiam diri terhadap perbuatan

nunkar. Di mana walaupun mungkin seseorang itu tidak mempunyai keupayaan untuk mengubahnya samada dengan kuasa atau melalui percakapannya seperti memberi nasihat atau teguran, hendaklah dia bersikap tidak menyetujuinya dan mengutuk orang yang melakukannya.¹⁰²

Orang-orang Islam juga dilarang menyembunyikan persaksian mereka sebagaimana firman Allah s.w.t :

وَلَا تَكُونُوا الشَّهَادَةُ وَمِنْ يَكْنَهَا فَإِنَّهُ أَنْتَ قَلْبُهُ

Maksudnya, Janganlah kamu menyembunyikan persaksian, dan sesiapa yang menyembunyikannya, dia adalah orang yang berdosa hatinya.¹⁰³

Oleh itu dapatlah dikatakan bahawa tugas dan tanggungjawab membenteras jenayah bukan hanya dipikul oleh individu tertentu sahaja, malah merupakan tugas dan tanggungjawab setiap umat Islam berdasarkan kemampuan masing-masing.¹⁰⁴

2.3.1 Pengaduan kepada Qadi

Mengikut acara jenayah Islam, pengaduan boleh dikemukakan kepada Qadi. Di mana seseorang Qadi diberikan kuasa mendengar aduan. Kemudian Qadi akan

senyurun keraninya atau orang lain menulis nama pengadu tersebut bagi menentukan tertib pengaduan. Apa mana orang yang datang dahulu akan diberikan keutamaan.¹⁰⁵

Pun begitu, sebenarnya aturcara pengaduan adalah perkara yang boleh berubah mengikut keadaan dan kepentingan umum, sebagaimana yang difikirkan oleh Qadi atau pihak pemerintan. Tetapi dari segi asasnya ia mestilah dengan cara menulis nama individu yang terlibat, tajuk pendakwaan dan cara pembuktian yang akan dilakukan.¹⁰⁶

Sesuatu aduan dikira aduan yang sah apabila si pengadu adalah orang yang waras, aduan itu berkaitan dengan hak yang dimaklumi dan ianya termasuk dalam bidangkuasa kehakiman. Perkara yang diadukan mestilah boleh disabitkan dan dibuat di dalam bentuk yang boleh diterima.¹⁰⁷

Aduan mungkin pada asalnya sah tetapi disebabkan terdapat kecacatan seperti perkara yang diadukan tidak diketahui, menyebarkan ia termasuk sebagai aduan cacat. Tetapi mungkin masih ada bidangkuasa untuk membicarakannya setelah dibuat pembetulan.¹⁰⁸

2.3.2 Aduan Hisbah

Hisbah (حِسْبَه) berasal dari perkataan Arab, bermaksud hisab atau pengiraan. ia dikaitkan dengan sesuatu perbuatan dengan makna ganjarnya di sisi Allah s.w.t.¹⁰⁹

Dari sudut istilah Sharak, Hisbah bermaksud menyuruh melakukan kebaikan apabila ternyata ianya dibawaikan dan menegah perbuatan mungkar apabila ternyata ianya dilakukan.¹¹⁰

Mengikut acara jenayah Islam, aduan Hisbah adalah aduan yang dibuat kepada Qādi bukan untuk menuntut hak terhadap dirinya. Tetapi ia bertujuan menuntut hak Allah s.w.t.. Dengan kata lain ia tidak bertujuan untuk kepentingan diri sendiri. Pengaduan dalam keadaan ini adalah juga merupakan saksi pada masa yang sama. Contohnya seseorang yang mengetahui keadaan seorang jiran yang menceraikan isterinya dengan talak tiga, sedangkan mereka tetap tinggal bersama sebagai suami isteri.¹¹¹

Acara jenayah Islam membenarkan pengaduan seperti ini walaupun pengadu tidak mempunyai hak tertentu

terhadap apa yang dihadunya. Ini kerana peranan Hisbah adalah berdasarkan semangat "amal ma'ruf dan nahi mungkar". Ia adalah termasuk sebagai fardu kifayah. Cleh itu apabila seseorang individu dalam ses sebuah melaksanakannya masyarakat, & individu-individu lain terlepas dari tanggungjawab tersobut. Ini kerana fardu kifayah tidak menuntut setiap orang masyarakat melakukannya.¹¹²

Pun begitu kadangkala pengaduan Hisbah boleh menjadi fardu 'ain ke atas seseorang individu. Hal ini apabila ia menjadi tertentu kepada seseorang disebabkan ketiadaan orang lain melaksanakannya. Begitu juga apabila seseorang telah ditentukan oleh pihak pemerintah menjalankan tugas berkenaan. Ketika itu ia menjadi kewajipan kepada individu tersebut melaksanakannya.¹¹³

Seseorang yang telah dilantik oleh pemerintah untuk menjalankan tugas Hisbah dipanggil Al Muhtasib (المحاسب). Manakala individu lain yang tidak dilantik juga boleh menjalankan tugas Hisbah, ia dipanggil Al Mutawwii' (المتطوع).

Dalam membincangkan perbezaan kedua-duanya, Dr. Abdul Karim Zaidan menyatakan banawa setiap

Individu adalah ditaklifkan oleh Sharak supaya menyuruh kepada kebaikan dan menegah kemungkaran. Mengikut kaedah Sharak, apabila terdapat taklif oleh Sharak sudah tentu diberikan juga kuasa untuk menjalankan perkara yang ditaklifkan. Tetapi pihak pemerintah boleh menyusun peraturan Hisban untuk mengelakkan kacaubilau. Oleh itu individu yang telah ditentukan oleh pemerintah menjalankan kuasa Hisban iaitu Muhtasib mempunyai kuasa lebih dari individu muslim yang lain, termasuklah Mutatowwu kerana Muhtasib dalam hal ini menjadi wakil kepada pihak pemerintah.¹¹⁴

Terdapat juga perbezaan-perbezaan lain antara Muhtasib dan Mutatowwu di mana seorang Muhtasib berkewajipan menyiasat tentang perbuatan-perbuatan bunyakar yang nyata. Juga menyiasat ketinggalan perbuatan-perbuatan məruf yang nyata. Sebaliknya Mutatowwu tidak berkewajipan melakukannya.¹¹⁵

Segitu juga Muhtasib boleh mendapat sara hidup saitul Mai atau perbendahraan negara. Sebaliknya Mutatowwu tidak boleh. Seorang Muhtasib juga boleh berujtiad mengikut sandangannya di dalam hal berkaitan məruf atau adat kebiasaan setempat, bukan mengenai

husum Sharak. Di mana dia boleh menerima amalan tersebut apabila bersesuaian dengan Shariyat Islam dan menolaknya apabila bertentangan. Manakala Hataçowwu' tidak mempunyai kuasa tersebut.¹¹⁶

Selanjutnya orang yang boleh dijalankan kuasa Hisbah ke atasnya ialah mereka yang melakukan perbuatan muungkar atau meninggalkan suruhan Sharak. Tidak disyaratkan mereka dari orang yang berakal waras. Oleh itu kuasa Hisbah hendaklah dijalankan ke atas orang cilia yang melakukan zina dengan menegahnya melakukan perbuatan tersebut. Begitu juga kanak-kanak yang belum sampai umur yang meminum arak hendaklah dijalankan kuasa Hisbah ke atasnya dengan menegahnya. Hai si walaupun perbuatan orang cilia dan kanak-kanak tersebut tidak termasuk sebagai perbuatan maksiat.¹¹⁷

Selain aduan kepada Qadi, maklumat tentang kesalahan jenayah juga boleh didapati melalui pengakuan bersalah atau Iqrar. Dalam hal ini Allah s.w.t telah perfirman :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُونُوا قَوْمِينَ بِالْقِسْطِ شَهِداً
لَّهُ وَلَوْلَى أَنفُسَكُمْ .

Maksudnya, Wahai orang-orang yang beriman, jadilah kamu orang yang benar-benar penegak keadilan, (dengan) menjadi saksi kerana Allah biarpun terhadap dirimu sendiri.¹¹⁸

Pun begitu pengakuan bersalah hanyalah boleh menjadi hujah ke atas orang yang membuat pengakuan tersebut. Ia tidak terpakai kepada individu lain sekalipun dinyatakan di dalam pengakuan bersalah tersebut.¹¹⁹

Pengakuan bersalah boleh dibuat secara lisan atau melalui isyarat yang boleh difahami, seperti isyarat seorang bisu yang menanggukkan kepala tanda setuju. Pengakuan boleh juga dibuat melalui tulisan dengan sehadiran saksi.¹²⁰

2.4 Penyiasatan menurut perspektif Islam

Mengikut acara jenayah Islam apabila seseorang yang dituduh melakukan zina, mahkamah tidak boleh mendengar pendakwaan ke atasnya, sehinggalah dia menamakan perempuan yang berzina dengannya. Ia juga dikehendaki memberikan gambaran mengenai apa yang telah dilakukannya. Seandainya dia membuat pengakuan bersalah mahkamah boleh mengukum berdasarkan pengakuannya. Namakala jika dia menafikan tuduhan tersebut dan dia mempunyai bukti, mahkamah hendaklah mendengarnya.

Jika dia tidak mempunyai bukti, mahkamah boleh menerima sumpahnya.¹²¹

Sebelum menjalankan pendakwaan terhadap situduh pemerhatian, hendaklah diberikan kepada keadaan persekitaran dan sifat-sifat peribadinya. Oleh itu jika seseorang yang dituduh melakukan zina didapati kakinya perempuan, tuduhan akan menjadi lebih kuat. Begitu juga jika didapati pada tubuh seseorang yang dituduh mencuri ada kesan-kesan kena pukul, tuduhan akan menjadi lebih kuat.¹²²

Menurut acara jenayah Islam pihak pemerintah boleh menahan seseorang yang dituduh bagi tujuan menjalankan penyiasatan. Pun begitu para cendikiawan Islam tidak bersepakat tentang tempoh tahanan yang perlu. Mengikut Abdullah Ibn Al Zubairi dari kalangan mazhab Shafei, tempoh tahanan orang yang tertuduh tidak boleh selebihnya sebulan. Manakala pendapat yang lain mengatakan tiada tempoh yang tertentu bahkan ianya bertakluk kepada pihak pemerintah.¹²³

Qadi yang menjalankan kuasa penahanan terhadap seseorang yang dituduh hendaklah menulis nama-tahanan, cara tahanan dibuat dan sebab-sebab penahanan

serta kepada siapa mereka ditahan. Qādi juga boleh menyoal orang-orang yang ditahan sebab-sebab penahanan kerana seorang Qādi tidak boleh hanya bergantung kepada kenyataan yang dibuat oleh Qādi sebelumnya.¹²⁴

Sekiranya tahanan tersebut mengatakan dia ditahan oleh Qādi yang terdahulu disebabkan pengakuan berzina yang dibuat olehnya sebanyak empat kali atau dia ditahan untuk dikenakan hukuman Hudud dan dia seorang mūhsin, atau dia mengatakan, "saya telah membuat pengakuan meminum arak lalu ditahan untuk dikenakan hukuman Hudud". Dalam hal ini Qādi hendaklah membuat penangguhan dan tidak menghukum dengan pengakuan tersebut. Tetapi sekiranya tuduhan tersebut mengenai zina, dan sidituduh mengulangi pengakuannya sebanyak empat kali, serta memberikan gambaran tentang perbuatan zina yang dilakukannya. Qādi hendaklah memeriksa kewarasan akal fikirannya, jika didapati ia waras, hukuman akan dijatuhkan berdasarkan pengakuannya yang kedua. Manakala bagi kesalahan meminum arak dan minuman yang memabukkan, pengakuan bersaiah demikian tidak boleh dipakai. Ini kerana hukuman Hudud bagi kesalahan tersebut hendaklah dijalankan selagi minuman itu ada di dalam perutnya atau ada saksi-saksi yang melihatnya melakukan kesalahan tersebut.¹²⁵

Mengikut acara jenayah Islam pemerintah boleh memukul orang yang ditanah untuk memastikan kebenaran kenyataan yang diberikan. Pukulan yang dibenarkan ialah pukulan talzir bukan pukulan Hudud.

Pun begitu mestilah ditentukan bahawa tuduhan tersebut kuat. Jika seseorang yang ditanah membuat pengakuan disebabkan pukulan tersebut pengakuan bersalahnya tidak terpakai. Jika dia dipukul untuk membenarkan tuduhan ke atasnya lalu dia membuat pengakuan, Qadi hendaklah menyururnya mengulangi pengakuannya. Sekiranya dia dia mengulanginya, pengakuan bersalahnya yang kedua adalah terpakai.¹²⁶

Walaubagaimanapun ini hanyalah merupakan pendapat di kalangan mazhab Maliki. Manakala iumhur atau kebanyakan ulama tidak membenarkan pukulan dikenakan terhadap orang yang tertuduh. Ini kerana boleh jadi dia tidak bersalah. Ini adaiyah berdasarkan semangat Hadith tasulullahs.a.w. yang berbunyi :

لَمْ يَخْطُأْ إِلَّا مَا فِي الْعَفْوِ خَرَّ مِنْ أَنْ يَخْطُأْ فِي الْحُكْمِ

Maksudnya, Adalah lebih baik jika seseorang pemimpin membuat silap dengan memberi maaf daripada dia membuat silap dengan mengenakan hukuman¹²⁷.

Acara jenayah Islam juga membenarkan catatan seorang Qādi kepada Qādi yang lain di tempat yang lain. Hal ini apabila seseorang mengadu kepada Qādi tentang haknya ke atas seorang yang lain di tempat yang lain. Qādi hendaklah mendengar aduan tersebut dan persaksian saksi-saksinya. Penerimaan aduan dan mendengar keterangan saksi-saksi bukan bermakna hukuman telah dijatuhkan. Qādi hendaklah memeriksa saksi-saksi, jika mereka didapati orang yang adil, persaksian mereka diterima. Selanjutnya Qādi hendaklah menulis surat kepada Qādi tempat sidituduh berada. Qādi kemudian dikenendaki membaca semula apa yang telah ditulisnya kepada pengadu dan saksi-saksi. Ini supaya mereka boleh menjadi saksi kepada catatan tersebut. Kemudian Qādi hendaklah memberikan mereka satu salinan yang mana akan menjadi catatan persaksian.¹²⁸

2.4.1 Penerimaan Kenyataan kepada Qādi sebagai Keterangan menurut perspektif Islam

Mengikut acara jenayah Islam, catatan Qādi adalah diterima walaupun tanpa disahkan oleh saksi-saksi. Ini sebagaimana yang disebut oleh Abdul Karim Al Thaqafi banawa Abdul Malik Ibn U'la, Qādi di Basrah

dan lain-lainnya telah membenarkan catatan Qadi walaupun dibuat tanpa kehadiran saksi-saksi. Tetapi jika catatan tersebut dicabar sebagai bohong dan dusta Qadi hendaklah mencari dua orang saksi¹²⁹.

Manakala pendapat lain mengatakan catatan tersebut sahaja tidak memadai, kecuali ada bukti yang lain. Sebagaimana Abdullah Ibn Mahraj mengemukakan pembuktian di samping catatan yang telah dibuat oleh Qadi di Basrah iaitu Musa Ibn Anas¹³⁰.

Acara jenayah Islam juga menerima catatan rasmi yang dicop atau dimeterai. Ini diambil dari perbuatan Rasulullah s.a.w. ketika baginda ingin menulis surat perdamaian kepada kerajaan Khaibar, samada berdamai atau manukan perperangan. Pada ketika yang lain, semasa Rasulullah s.a.w. ingin menulis surat kepada kerajaan Rom, para sahabat mengatakan bahawa orang-orang Rom hanya menerima surat yang dimeterai. Lalu baginda menggunakan cincin perak untuk mengecop surat tersebut.¹³¹

Acara jenayah Islam mensyaratkan semasa sesuatu pengakuan dibuat, orang tersebut tidak mabuk samada disebabkan kesilapan seperti meminum arak yang disangka ubat. Ataupun dengan pengetahuan dan sengaja melakukan. Dalam hal demikian pengakuan orang mabuk tidak dapat

diterima mengikut pendapat jumur 'ulama'. Mengikut mazhab Hanafi, pengakuan oleh orang mabuk disebabkan dengan pengetahuan dan secara sengaja adalah diterima. Ini juga tertentu bagi kesalahan murtad dan Hudud.¹³²

Pengakuan yang dibuat hendaklah tidak menjadi tolmanan dan tuduhan yang lain. Seperti seorang yang sakit hampir meninggal dunia membuat pengakuan bahawa dia mempunyai hutang. Pengakuan tersebut tidak dapat diterima kerana boleh menjadi tolmanan dan tuduhan yang lain bahawa dia membuat pengakuan tersebut untuk menyebabkan kesusahan kepada ahli warisnya. Di mana terdapat perkaitan yang nyata bahawa dia sedang sakit hampir meninggal dunia.¹³³

2.4.2 Dengan sukarela

Acara jenayah Islam telah menetapkan syarat-syarat untuk menerima pengakuan orang yang tertuduh. Di mana disyaratkan dia seorang yang baligh atau sampai umur berakal dan dibuat dengan sukarela.¹³⁴ Oleh itu tidak terpakai pengakuan yang dibuat oleh kanak-kanak dan orang gila. Begitu juga pengakuan bersalah yang dibuat disebabkan paksaan tidak boleh diterima.

Ini sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w. :

رُفِعَ عَنْ أَمْتَيِ الْخَطَا وَالنَّسِيَانِ وَمَا سُكِّرَ هُوَ عَلَيْهِ

Maksudnya. Diangkatkan dari umatku (dosa) perbuatan akibat silap, lupa dan apa yang dipaksa.

135

Jika seseorang yang telah membuat pengakuan, kemudian berujah bahawa dia sebenarnya dipaksa, bujahnya tidak dapat diterima. Kecuali hingga dapat dibuktikan paksaan tersebut kerana pada asalnya dihukumkan tiada paksaan. Pun begitu jika terdapat tanda menunjukkan paksaan seperti tahanan yang lama bujahnya dapat diterima dan dia dikehendaki bersumpah. Sekiranya dia mendakwa bahawa dia telah hilang akal ketika membuat pengakuan, dakwaannya tidak dapat diterima kerana pada asalnya dihukumkan dia berkeadaan normal kecuali dapat dibuktikan sebaliknya. Hal ini sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w. :

عَنْ أَبْنَيْ عَبَّاسٍ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ (ص) قَالَ: لَوْ يُعَطَى النَّاسُ بِدُعُوكُمْ لَدَعَ نَاسٌ دَمَاءَ رَجُلٍ وَأَمْوَالَ رِجُلٍ وَلَكِنَ الْيَمِينَ عَلَى الْمَدْعَى عَلَيْهِ.

Maksudnya. Dari Ibn 'Abbas bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda : Seandainya manusia diberikan (hukuman) berdasarkan dakwaan mereka, tentulah banyak orang yang mendakwa darah orang lain dan hartanya. Pun begitu orang yang didakwa itu harus bersumpah

137

Jika pengakuan salah didapati dengan paksa samada secara nyata atau tersirat, ia tidak terpakai. Paksaan akan menghilangkan kebebasan seseorang dan boleh menimbulkan syak tentang kebenaran pengakuan yang dibuat. Jika dapat dibuktikan bahawa pengakuan dibuat dengan paksaan atau apa juar yang tergolong sebagai paksaan, pengakuan tersebut tidak dapat diterima sebagai keterangan.¹³⁸

2.4.3 Terjemahan

Acara jenayah Islam membenarkan penterjemahan. Ini kerana ia merupakan tafsiran kepada perkataan dan penterjemah tidak perlu menyaksikannya dengan sendiri.¹³⁹

Hal ini berdasarkan Hadith Rasulullah s.a.w.:

عَنْ زَرِيدِ بْنِ ثَابَتٍ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَمْرَهُ أَنْ يَتَعَلَّمَ كِتَابَ الْيَهُودَ حَتَّىٰ كُتِّبَ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كِتَابُهُ وَأَقْرَأَهُ كِتَابَهُمْ إِذَا كَتَبُوا إِلَيْهِ . وَقَالَ عُمَرُ وَعِنْهُ عَلَىٰ وَعْدِ الرَّحْمَنِ وَسَخَانٌ . مَاذَا تَقُولُ هَذِهِ ؟ قَالَ عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ حَاطِبٍ فَقَلَّتْ نَخْرُكُ بِصَاحِبِهَا الَّذِي صَنَعَ بِهَا . وَقَالَ أَبُو حَمَّادٍ كَتَبَ أَتْرَجَمَ بَيْنَ ابْنِ عَبَاسٍ وَبَيْنَ النَّامِسِ .

Maksudnya, Zaid bin Thabit menceritakan bahawa Rasulullah s.a.w. telah menyuruhnya mempelajari tulisan orang-orang Yahudi. Sehingga-lan saya telah menulis surat dari Rasulullah s.a.w. (kepada orang-orang Yahudi) dan juga membacakan surat mereka apabila dikirim kepada baginda. Umar telah berkata ketika bersama Ali, Abdul Rahman dan Usman : Apakah yang dikatakan oleh perempuan ini? Abdul Rahman Ibn Hāfiẓ menjawab : Dia memberitahu kamu tentang orang yang telah melakukan (zina) dengannya. Abu Jamrah berkata : Saya telah menjadi penterjemah antara Ibn Abbas dan orangramai.

140

Hadith ini menunjukkan bahawa terjemahan boleh diterima semulaupun iaanya dilakukan oleh seorang penterjemah sahaja. Mengikut pendapat Muhammad Ibn Al Hasan terjemahan oleh seorang lelaki adalah diterima. Begitu juga terjemahan oleh dua wanita. Pendapat ini disokong oleh Imam Abu Hanifah, Imam Malik dan Imam Shafei manakala Zufar dan Abu Yusuf mensyaratkan dua orang berenam menganggapnya sama seperti saksi.¹⁴¹

Dalam menyelesaikan masalah ini, Al Karmani menyatakan hal ini bukan merupakan perselisihan pendapat. Terjemahan oleh seorang penterjemah benarkan jika ia adalah pernyataan semata-mata terjemahan tetapi jika ia merupakan persaksian, ia mestilah dibuat oleh dua orang penterjemah.¹⁴² Oleh itu apabila seseorang penterjemah telah membuat pengakuan berhadap terjemahannya ia mestilah disaksikan oleh dua orang saksi dan dikemukakan kepada Qadi.¹⁴³

NOTA KAKI FASAL KEDUA

lihat tafsiran aduan mengikut seksyen 2 KANUN PROSEDUR JENAYAH, ertinya pengataan yang dibuat secara lisan atau secara bertulis kepada Majistret supaya dia dapat menjalankan tindakan di bawah kanun ini bahawa segelintir orang, samada dikenali atau tidak telah melakukan atau didapati bersalah atas sesuatu kesalahan.

lihat tafsiran pegawai polis, mengikut AKTA POLIS 1967 seksyen 2, ertinya seseorang anggota polis Diraja Malaysia. Oleh itu ia termasuklah seorang Konstabel. lihat juga, Mimi Kamariah Majid, Criminal Procedure in Malaysia, (Kuala Lumpur : Department of Publications University of Malaya, 1987), m.s 57

seksyen 13(i)(a) KANUN PROSEDUR JENAYAH.

ibid. seksyen 13(i)(b).

ibid.

seksyen 121D KANUN KESIKSAAN.

Mimi Kamariah Majid, op.cit. m.s 58

8 seksyen 133 KANUN PROSEDUR JENAYAH.

9 ibid. seksyen 134.

10 ibid. seksyen 135.

11 pp Iwn Fong Chee Cheong. (1970) 1 M.L.J. 97

12 ibid. 97-98

13 seksyen 107(ii) KANUN PROSEDUR JENAYAH.

14 Mimi Kamariah Majid. op.cit. m.s 58

15 lihat tafsiran kesalahan boleh tangkap, seksyen 2 KANUN PROSEDUR JENAYAH, ertiinya suatu kes yang mana pegawai polis boleh menangkap tanpa waran mengikut ruangan ketiga bagi Jadual Pertama.

16 seksyen 109(ii) KANUN PROSEDUR JENAYAH.

17 Mimi Kamariah Majid. op.cit. m.s 61

18
Emporar Iwn Khwaja Nazir Ahmad, A.I.R. 1945 P.C. 18.

19
 seksyen 110(i) KANUN PROSEDUR JENAYAH.

20
 Nimi Kamariah Majid, op.cit. m.s 61

21
 lihat tafsiran kesalahan tidak boleh tangkap seksyen 2 KANUN PROSEDUR JENAYAH, ertinya suatu kesalahan yang mana biasanya pegawai polis tidak boleh menangkap tanpa waran mengikut ruangan ketiga Jadual Pertama.

22
 seksyen 108(i) KANUN PROSEDUR JENAYAH.

23
 seksyen 108(iii) KANUN PROSEDUR JENAYAH.

24
 Nik Norzul Thani Nik Hassan Thani, Seminar Pentadbiran Keadilan Jenayah di Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa, 11-12 Disember 1987, m.s 8

25
 seksyen 109 KANUN PROSEDUR JENAYAH.

26
 lihat seksyen 110 KANUN PROSEDUR JENAYAH.
 lihat juga kes Emporar Iwn Khwaja Nazir Ahmad, op.cit.

27

lihat seksyen 108 KANUN PROSEDUR JENAYAH.

lihat juga kes PP lwn Seridan, (1984) 1 M.L.J. 141

28

pemeriksaan seseorang yang tahu termasuklah orang yang kemudiannya menjadi sedituduh.

29

seksyen 112(i) KANUN PROSEDUR JENAYAH.

30

PP lwn Subramaniam, (1956) M.L.J. 58

31

PP lwn Abdullah Ambik, (1984) 1 C.L.J. 189

32

ditambah pada 1976.

33

Abdu Ghani bin Jusoh lwn PP, (1981) 1 M.L.J. 25

34

ibid.

35

Mimi Kamariah Majid, op.cit. m.s 63

36

Jayaraman & Ors. lwn PP, (1982) 2 M.L.J. 306

37

ibid.

Anthony Gomez lwn Ketua Polis Daerah Kuantan, (1977)
2 M.L.J. 24

Husdi lwn PP, (1979) 2 M.L.J. 304

Mimi Kamariah Majid, op.cit. m.s 64

Khoo Siew Bee & Anor lwn Ketua Polis Kuala Lumpur,
(1979) 2 M.L.J. 49

Ibid.

Mimi Kamariah Majid, op.cit. m.s 65

Khoo Siew Bee & Anor lwn Ketua Polis Kuala Lumpur,
op.cit.

PP lwn Mohamed Nor bin Jantan, (1979) 2 M.L.J. 289

Husdi lwn PP, op.cit.

Haji Abdul Ghani bin Ishak lwn PP, (1980) 2 M.L.J. 196

48

seksyen 115(iii) KANUN PROSEDUR JENAYAH.

49

ibid. seksyen 115(iv)

50

ibid. seksyen 115(v)

51

seksyen 116 KANUN PROSEDUR JENAYAH.

52

Mimi Kamarian Majid, op.cit. m.s 66

53

seksyen 28 KANUN PROSEDUR JENAYAH hendaklah dibaca bersama dengan perkara 5(4) PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN.

54

seksyen 117(iii) KANUN PROSEDUR JENAYAH.

55

Mimi Kamariah Majid, op.cit. m.s 66

56

seksyen 118 KANUN PROSEDUR JENAYAH.

57

Mimi Kamariah Majid, op.cit. m.s 67

58

seksyen 119(i) KANUN PROSEDUR JENAYAH.

59

Mimi Kamariah Majid, op.cit. halaman yang sama.

60

bagi maksud seksyen 159 dan 160 AKTA KETERANGAN.

61

seksyen 120 KANUN PROSEDUR JENAYAH.

62

Mimi Kamariah Majid, op.cit. halaman yang sama.

63

mula berkuatkuasa pada 1 Januari 1976.

64

ditafsirkan oleh seksyen 109 KANUN PROSEDUR JENAYAH sebagai pegawai polis berpangkat sekurang-kurangnya Sarjan atau Ketua Balai Polis (Officer in Charge of Police Station (CCS)).

65

lihat kes Abdul Ghani bin Jusoh lwn PP, op.cit.

dan juga kes Jayaraman & Ors lwn PP, op.cit.

66

iaitu dikehendaki menjawab semua soalan, kecuali apa yang boleh mendedahkan kepada tuuhan jenayah atau penaiti atau pelucutan hak, dan dikehendaki bercakap benar.

67

Mimi Kamariah Majid, op.cit. m.s 68

73

68

Mimi Kamarian Majid, ibid. m.s 69

69

lihat kes Jayaraman & Ors lwn PP, op.cit.

dan kes Abdul Ghani bin Juson lwn PP, op.cit.

70

Cheong See Leong lwn PP, (1948-49) M.L.J. Supp. 56

71

PP lwn Tan Keo Hock, (1982) 2 M.L.J. 190

72

Abdul Ghani bin Jusch lwn PP, op.cit.

73

PP lwn Ng Goh Weng & Anor, (1979) 1 M.L.J. 127

74

ibid.

75

Akta A 516

76

lihat seksyen 62, 108, 109 dan 377 KANUN PROSEDUR
JENAYAH.

77

Mimi Kamariah Majid, op.cit. m.s 72

78

Cheong See Leong lwn PP, op.cit.

79

PP lwn Yong Kon Hin. (1981) C.L.J. 178

80

Mohamed Yusuf bin Haji Ahmad lwn PP, (1983)

2 M.L.J. 167

81

Lee Look lwn PP, (1985) 1 M.L.J. 240

82

Cheong See Leong lwn PP, op.cit.

83

ibid.

84

Mimi Kamariah Majid, op.cit. m.s 73

85

PP lwn Ng Goh Weng & Anor, op.cit.

86

"for a stronger reason".

87

lihat seksyen 24. AKTA KETERANGAN.

88

Dato'Mokhtar bin Hashim lwn PP, (1983)

2 M.L.J. 232, 273.

89

R lwn Priestly, (1965) 51 Cr. App. R.I

90

PP lwn Han Kong Juan & 2 Ors. (1983) 1 C.L.J. 245

91

R lwn Priestly. op.cit.

92

ibid.

93

Mohamed Yusuf lwn PP, (1983) 2 M.L.J. 167

94

Ibrahim lwn R, (1914) A.C 590

95

Tan Too Kia lwn PP. (1980) 2 M.L.J. 187

96

PP lwn Mohamed Nor bin Jantan, op.cit.

97

Abdul Mahmud lwn PP, (1980) 2 M.L.J. 50

98

Tan Too Kia lwn PP, op.cit.

99

PP lwn Mustafa bin Ahmad, (1986) 1 M.L.J. 302

100

surah Al 'Imran ayat 110.

101

Ibrāhīm Ibn Muḥammad Ibn Kamal Al Ddin, Al Bayān wa Al Ta'rif fi Asbab Wurud Al Hadith Al Sharif, juzuk 3 (Beirut: Al Maktabah Al Ilmiah, 1980), m.s 215

102

ibid. halaman yang sama.

103

surah Al Baqarah, ayat 283.

104

Ibrāhīm Ibn Muḥammad Ibn Kamal Al Ddin, op.cit.

105

Ibn Qudāmah, Al Mughnī, juzuk 9, (Riyad : Maktabah Al Riyad Al Hadithah, 1981), m.s 83

106

'Abdul Al Karīm Zaidān, Nizām Al Qada' fi Al Sharī'ah Al Islāmiyyah, (Baghdad: Matba'ah Al 'Āni, 1984), m.s 127.

107

ibid. m.s 111, 112.

108

ibid. halaman yang sama.

109

ibid. m.s 313.

110

Al Mawardi, Kitab Al Ahkām Al Sultāniyyah, (Beirut: Darul Al Fikr, 1966), m.s 240.

111

· Abdul Al Karīm Zaidān, op.cit. m.s 113.

112

ibid. m.s 315.

113

ibid. halaman yang sama.

114

ibid. m.s 319.

115

Al Māwardi, op.cit. m.s 240.

116

ibid. m.s 240, 241.

117

· Abdul Al Karīm Zaidān, op.cit. m.s 331.

118

surah Al Nnīsā', ayat 135.

119

Al Sayyid Sādiq, Fiqh Al Sunnah, juzuk 3, (Kaherah:
Darul Al Hadith, 1972), m.s 330.

120

· Abdul Al Karīm Zaidān, op.cit. m.s 157, 158.

121

Al Māwardi, op.cit. m.s 219.

122

Al Mawardi, ibid. m.s 220.

123

ibid. halaman yang sama.

124

Abu Bakar Ibn 'Amrū Ibn Maħir Al Shaibānī Al Khassaf,
Kitab Adab Al Qādi, (Kaherah: Al Jāmi'ah
Al Imrīkiyyah, 1978), m.s 61, 62.

125

Al Khassaf, ibid. m.s 68.

126

Al Mawardi, op.cit. m.s 220.

127

Al Sayyid Sabiq, op.cit. m.s 353, 354.

128

Al Khassaf, op.cit. m.s 310.

129

Aḥmad Al Ḥasri, 'Ilmu Al Qadā', juzuk 1, (Kaherah:
Maktabah Al Kulliyyah Al Azhāriyyah, 1980), m.s 41.

130

ibid. m.s 42.

Lihat juga, Muhammad Munsin Khan, The Translation of
the Shahih of Bukhari, Vol IX, cetakan 3, (Chicago:
Kazi Publications, 1979), m.s 204.

79
Alīmad Al Ḥaṣrī, op.cit. halaman yang sama.

Abdul Al Karīm Zaidān, op.cit. m.s 160.

bid. halaman yang sama.

bid. m.s 159.

Muṣṭafā Muḥammad Umarah, Jawāhir Buḥkāri fi Sharḥi
al-Qastalāni, (Mesir: Matba'ah Al Istiqāmah, 1371H),
m.s 289.

Abdul Al Karīm Zaidān, op.cit. m.s 161.

Al Shaukānī, Nail Al Autār, juzuk 7. (Kaherah:
Maktabah Muṣṭafā Al Halabi, 1971), m.s 344.

Muhammad Faruq Mubhani, Mabāhith fi Al Tashri'
Al Jinā' Al Islāmi. (Lubnan: Darul Al Qalam, t.t.),
m.s 280.

Muhammad Ibn Ahmad Al Sharbīnī Al Khatīb, Al Iqna',
juzuk 2. (Kaherah: Maktabah Muṣṭafā Al Halabi, 1940),
m.s 287.

10) Muhammed Muhsin Khan, op.cit. m.s 232, 233.

11) Lihat juga. Al Shaukānī, op.cit. m.s 317, 318.

12) Al Shaukānī, ibid. halaman yang sama.

13) ibid.

14) ibid.